

# 4,220 pelajar baharu

Oleh YAP SIONG HAN

► *Diterima lanjut pengajian ke UMS*

**KOTAKINABALU:** Seramai 4,220 pelajar ditawarkan melanjutkan pengajian ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi kemasukan siswa siswi baharu Sesi 2018/2019.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, jumlah itu merangkumi 2,436 (58 peratus) pelajar dari Sabah, 1,718 (40 peratus) dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak, dan 66 (2 peratus) pelajar antarabangsa.

“Pelajar antarabangsa berasal dari sembilan negara, iaitu China (31), Brunei (11), Gabon (1), Jerman (1), Jepun (1), Indonesia (5), Thailand

“ UMS turut menawarkan 200 tempat kepada pelajar kurang berkemampuan berdasarkan pendapatan isi rumah 40 peratus terendah (B40) dan melepasi syarat kelayakan minimum yang telah ditetapkan UPU.”

**PROF DATUK DR D KAMARUDIN D MUDIN**  
Naib Canselor UMS



**KAMARUDIN** (dua kanan) beramah mesra bersama salah seorang pelajar pada majlis itu.

(11), Korea Selatan (3) dan Bangladesh (2).

“UMS turut menawarkan 200 tempat kepada pelajar kurang berkemampuan berdasarkan pendapatan isi rumah 40 peratus terendah (B40) dan melepasi syarat kelayakan minimum yang telah ditetapkan UPU,” katanya ketika ditemui selepas sesi beramah mesra dengan ibu bapa dan pelajar baharu yang mendaftar di Kolej Kediaman UMS, di sini pada Isnin.

Beliau berkata, terdapat empat program baharu juga ditawarkan pada sesi kemasukan kali ini.

“Program berkenaan ialah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas dengan kepujian (27 pelajar), Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak (55), Sarjana Kesihatan Awam (7) dan Diploma Kejuruteraan Minyak dan Gas (18).

“Pada tahun ini, UMS turut menerima kemasukan 21 pelajar

daripadakalangan orang kurang upaya (OKU),” katanya sambil memaklumkan para pelajar istimewa ditempatkan di tingkat bawah Kolej Kediaman Tun Fuad untuk memudahkan pergerakan selain disediakan kenderaan khas untuk menghadiri kuliah.

Menurutnya, kesemua pelajar baharu akan menjalani Minggu Suai Mesra (MSM) sehingga 6 September sebelum memulakan kuliah mengikut program masing-masing.